

TEKNIK SOAL-JAWAB DALAM PENGAJARAN IMAM ABŪ ḤANĪFAH (M.150H/767M): SUATU ANALISIS TERHADAP KITAB AL-‘ĀLIM WA AL-MUTA‘ALLIM

Mohd Anuar Bin Mamat [1]

ABSTRACT

Method and teaching techniques are an important element in the education process. They are closely related to the effort toward realizing quality education and effective teaching in classrooms. This article presents the questioning techniques employed by Abū Ḥanīfah in his teaching. The discussion is based on his great treatise, al-‘Ālim wa al-Muta‘allim and his teaching practice. This article found that six techniques were applied by Abū Ḥanīfah during his teaching. The techniques can be used as an effective guidance for teachers in applying the questioning method in the classroom. This study is also intended to introduce one of the greatest scholars and his legacy in the Islamic education tradition as an example in solving issues in contemporary Islamic educational pedagogy.

Keywords: *Questioning Techniques, Method of Teaching, Abū Ḥanīfah, al-‘Ālim wa al-Muta‘allim, Islamic Education*

[1] Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
anuarmamat@um.edu.my

PENGENALAN

Kaedah dan teknik pengajaran antara perkara yang menjadi perhatian para sarjana Islam dalam penulisan mereka tentang pendidikan. Aspek ini boleh dilihat dengan jelas dalam nukilan riwayat-riwayat yang berkaitan kehidupan dan keilmuan mereka ataupun dipaparkan dalam penulisan yang mereka wariskan kepada generasi terkemudian. Berhubung hal ini, Aḥmad Shalabī dengan merujuk kepada Ibn ‘Abdūn (m. 307H/919M) dan Ibn Khaldūn (m. 808H/1405M), menjelaskan bahawa kebanyakan sarjana Islam menegaskan kriteria guru yang baik dan berjaya bukan sahaja mempunyai ilmu semata-mata bahkan mempunyai kemahiran dalam kaedah dan teknik pengajaran. Hal ini kerana aspek pengajaran adalah komunikasi dua hala antara guru dengan murid dalam proses penyampaian ilmu dan kemahiran (Aḥmad Shalabī, 1960, hlm. 174).

Secara amnya, kaedah dan teknik pengajaran merupakan cara yang digunakan untuk memudahkan para pelajar memahami isi pengajaran yang disampaikan dan akan membantu mereka mendapatkan ilmu serta mencapai matlamat yang disasarkan. Teknik pengajaran bermaksud cara bagaimana melaksanakan kaedah tertentu berdasarkan beberapa langkah yang diambil dalam pengajaran (Kamaruddin Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2007, hlm. 183; Ahmad Mohd Salleh, 2008, hlm. 187). Justeru, makalah ini akan menumpukan perbincangan berkaitan teknik aplikasi kaedah soal-jawab dalam pengajaran Imam Abū Ḥanīfah. Topik ini dipilih secara khusus bertujuan supaya hal ini dapat dilihat dan dianalisis dengan lebih mendalam dan terperinci. Selain itu, pemilihan topik ini adalah berdasarkan ketokohan Imam Abū Ḥanīfah dalam bidang pendidikan (Aymān Muḥammad, 2008; Mohd Anuar Mamat, 2013) dan beliau turut mendapat pengiktirafan dan pujian oleh sarjana Islam dalam menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Sebagai contohnya, al-A‘mash (m.148H/765M) pernah memuji Abū Ḥanīfah dengan mengatakan (al-Ṣaymarī, 1985: 26):

Sesungguhnya Abū Ḥanīfah mempunyai pengetahuan yang tepat dalam sumber-sumber ilmu, bijak dalam mencarinya, dan aku kagum dengan ilmu yang menjadi pegangannya, serta [aku juga kagum] akan huraian (pengajaran) yang disampaikan olehnya.

Pengiktirafan ini merujuk kepada kemahiran Abū Ḥanīfah dalam menghuraikan pengajaran yang pastinya berkait rapat dengan penggunaan kaedah dan teknik pengajaran tertentu.

Perbahasan dalam makalah ini juga adalah berdasarkan kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*. Kitab ini merupakan salah satu karya Abū Ḥanīfah yang sah dan diakui oleh al-Isfarāyīnī (m.471H/1078M) bahawa semasa Abū Ḥanīfah menyampaikan kitab tersebut, beliau menggunakan sebaik-baik kaedah dan teknik (al-Isfarāyīnī, 1940, hlm. 113). Kaedah yang dapat dilihat secara jelas dalam kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* ini ialah kaedah soal-jawab berserta beberapa teknik aplikasinya. Justeru, hal ini akan dianalisis secara mendalam dalam makalah ini.

Latar Belakang Abū Ḥanīfah Dan Kitab *Al-‘Ālim Wa Al-Muta‘Allim*

Abū Ḥanīfah (m.150H/767M) ialah al-Nu‘mān bin Thābit bin Zūṭā bin Māh al-Taymī al-Kūfī, atau menurut suatu riwayat lain ialah al-Nu‘mān bin Thābit bin al-Nu‘mān bin al-Marzubān. Kebanyakan sarjana Islam berpendapat bahawa beliau lahir pada tahun 80H/699M, semasa zaman khalifah ‘Abd al-Malik bin Marwān dan meninggal dunia di Baghdād pada tahun 150H/767M, ketika berumur 70 tahun (al-Dhahabī, 1996; al-Kurdarī, 1981; al-Muwaffaq al-Makkī, 1981; al-Namirī, t.t.; al-Ṣaymarī, 1985).

Sepanjang kehidupan Abū Ḥanīfah, beliau menumpukan perhatian dalam mengembangkan ilmu-ilmu Islam dan ketokohnya diakui oleh ramai pengkaji yang merangkumi bidang ilmu fiqh (al-Albānī, 1978; Muḥammad Abū Zahrah, t.t.), akidah (‘Ināyat Allāh, 1971) dan pendidikan (Aymān Muḥammad, 2008; Mohd Anuar Mamat, 2013). Tambahan pula beliau juga turut menghasilkan sebanyak 23 karya utama dalam disiplin tersebut (Ibn al-Nadīm, 1996, hlm. 343; Ḥājī Khalīfah, 1982, hlm. 1437; al-Baghdādī, 1955, hlm. 495; Brockelmann, 1993, hlm. 252; Sezgin, 1983, hlm. 32), termasuklah karya penting dalam bidang akidah dan pendidikan, iaitu *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*.

Kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* ini diriwayatkan oleh sekumpulan perawi dan ditulis oleh sarjana terkemudian. Kitab ini memaparkan suatu catatan soal-jawab dan dialog pengajaran antara Abū Ḥanīfah dengan salah seorang murid beliau iaitu Abū Muṭṭī’. Perbincangan yang terkandung dalamnya adalah mengenai persoalan akidah dan perkara-perkara asas agama. Selain itu, kitab ini juga mengandungi beberapa perbahasan berkaitan aspek falsafah pendidikan dan pengajaran. Berdasarkan paparan dialog yang dicatatkan dalam kitab ini, jelas menyebut Abū Ḥanīfah sebagai guru (*mu‘allim*) dan pernyataan ini cukup untuk membuktikan bahawa idea dan pemikiran utama yang terkandung dalam kitab ini adalah daripada Abū Ḥanīfah, walaupun beliau tidak menulisnya. Di samping karya yang dihasilkan, Abū Ḥanīfah juga mempunyai murid yang begitu ramai sehingga mencecah 4000 orang (Abu al-Wafā al-Qurashī, t.t., hlm. 28; al-Tamīmī al-Dārī, 1983, hlm. 96). Hal ini menunjukkan bahawa Abū Ḥanīfah merupakan sarjana agung dalam sejarah Islam dan penglibatan beliau sangat aktif dalam bidang ilmu dan juga pendidikan sehinggakan melahirkan sejumlah pelajar dan juga karya-karya utama dalam pelbagai bidang (al-Dhahabī, 1996; al-Kurdarī, 1981; al-Muwaffaq al-Makkī, 1981; al-Namirī, t.t.; al-Ṣaymarī, 1985).

Kaedah Soal-Jawab Dalam Pengajaran Imam Abū Ḥanīfah

Sebelum penulis membentangkan teknik aplikasi kaedah soal-jawab menurut Abū Ḥanīfah, adalah perlu dikemukakan secara ringkas tentang kaedah soal-jawab dalam pengajaran beliau. Penulisan secara terperinci mengenai topik ini boleh dirujuk dalam beberapa kajian yang lain terutamanya kajian Mohd Anuar Mamat (2014). Kaedah utama yang telah diaplikasi oleh Abū Ḥanīfah dalam pengajaran kepada para pelajar antaranya ialah soal-jawab (al-Kīlānī, 1987, hlm. 100; al-Shaybānī, 1975, hlm. 419). Hal ini terbukti dengan wujudnya beberapa buah kitab beliau yang menggunakan kaedah tersebut seperti kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* dan *al-Fiqh al-Absaṭ*. Ibn Fūrak (m.406H/1015M) menghuraikan kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* dengan menjelaskan bahawa lafaz ‘*al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*’ dalam judul kitab ini sendiri merujuk kepada tradisi soal-jawab dan

dialog antara guru (*al-‘ālim*) dengan murid (*al-muta‘allim*), yang mana '*al-muta‘allim*' melontarkan soalan kemudian dijawab oleh '*al-‘ālim*' (al-Kīlānī, 1987, hlm. 100; Shiblī Nu‘mānī, 2005, hlm. 79).

Pendapat Ibn Fūrak disokong oleh Hājī Khalīfah (1982) ketika beliau memerihalkan kandungan kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*. Beliau menjelaskan bahawa kitab ini merupakan sebuah kitab yang mengandungi nasihat-nasihat yang bermakna dan perbincangan akidah yang jelas. Penyampaiannya pula berdasarkan kaedah soal-jawab; pelajar (*al-muta‘allim*) mengemukakan soalan dan dijawab oleh guru (*al-‘ālim*). Dalam kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* ini terdapat 45 soalan yang dikemukakan oleh Abū Muṭī‘ al-Balkhī sebagai murid dan diiringi oleh jawapan daripada Abū Ḥanīfah yang bertindak sebagai guru. Antara persoalan yang disentuh dan dibincangkan dalam bentuk soal-jawab merangkumi konsep iman, konsep ibadah, konsep kufur, konsep *irjā‘*, konsep *khawf* dan *rajā‘*, pendirian terhadap orang mukmin yang melakukan dosa besar dan sebagainya. Kaedah soal-jawab dan perbincangan yang dikemukakan oleh Abū Ḥanīfah ini merupakan maklum balas beliau terhadap isu-isu akidah yang diperbahaskan pada zamannya. Hal ini juga menjelaskan secara tepat bahawa kaedah soal-jawab merupakan kaedah yang banyak diaplikasi dalam pengajaran beliau.

Sebagai contohnya, ketika Abū Ḥanīfah menjelaskan tentang iman dan perkara yang berkaitan dengannya, beliau dan muridnya secara jelas menggunakan kaedah soal-jawab. Soal-jawab dimulai dengan penjelasan definisi iman, kemudian soal-jawab diteruskan dengan penjelasan kepelbagaian makna iman, persamaan iman manusia dengan iman para Nabi dan Malaikat, dan diakhiri dengan perbandingan pahala iman di antara manusia dengan para Nabi serta Malaikat (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 16-20). Begitu juga dalam memperincikan persoalan berkaitan kedudukan orang yang melakukan kemaksiatan, soal-jawab bermula dengan persoalan adakah mereka akan diampunkan atau diazabkan oleh Allah, kemudian diteruskan dengan isu berkaitan pengharapan/*rajā‘* keampunan kepada mereka dan diakhiri dengan pilihan antara mendoakan keampunan/*istighfār* atau mendoakan kecelakan/*la‘nat* (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 20-23).

Abū Ḥanīfah juga turut mengaplikasikan pendekatan dialog dan debat dalam menyampaikan pengajaran. Pendekatan ini berupa pengembangan daripada kaedah soal-jawab kerana beliau menggunakannya untuk memperjelaskan lagi sesuatu isu sekiranya kaedah soal-jawab dilihat tidak berjaya memahamkan murid beliau. Muḥammad bin al-Hasan (m.189H/804M) misalnya menceritakan bahawa Abū Ḥanīfah selalu berdebat dalam permasalahan kias (al-Ṣaymarī, 1985: 25) manakala Ibn al-Mubārak (m.175H/791M) pula menceritakan (Ibn Hajar al-Haytamī, 1997: 115; Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, 2007: 33):

Aku melihat Mis‘ar (m.155H/771M) berada dalam halaqah pengajaran Abū Ḥanīfah, beliau bertanya (bersoal-jawab) dan mengambil faedah daripadanya, seraya berkata: Aku tidak dapati orang yang paling *faqīh* selain beliau.

Berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan kaedah soal-jawab merupakan antara kaedah utama yang digunakan oleh Abū Ḥanīfah dalam pengajaran. Kaedah ini kemudiannya dilanjutkan kepada kaedah dialog dan perdebatan untuk memastikan para murid beliau memahami pengajaran yang disampaikan dengan sempurna. Penggunaan kaedah ini dibuktikan oleh aplikasi beliau dalam pengajaran yang dirakamkan secara khusus dalam kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*. Oleh yang demikian, semasa mengaplikasi kaedah ini tentunya Abū Ḥanīfah menggunakan beberapa teknik tertentu. Pada bahagian seterusnya penulis akan kemukakan analisis lanjut terhadap teknik yang digunakan oleh beliau semasa bersoal-jawab sebagaimana yang difahami daripada kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* ini.

Teknik Aplikasi Soal-Jawab Menurut Abū Ḥanīfah

Teknik aplikasi sesuatu kaedah merupakan aspek yang penting dalam kaedah pengajaran. Sesuatu kaedah yang disertai dengan teknik yang berkesan akan memudahkan pengajaran dan mempercepatkan kefahaman para pelajar. Oleh yang demikian, bahagian ini membincangkan teknik aplikasi kaedah soal-jawab yang dipraktikkan oleh Abū Ḥanīfah dalam kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*. Beberapa nukilan daripada karya dan pandangan beliau dalam penulisan lain juga dikemukakan untuk menjelaskan lagi teknik yang beliau aplikasi.

Kesesuaian Nada Suara

Teknik pertama yang digunakan oleh Abū Ḥanīfah ketika menggunakan kaedah soal-jawab ialah kesesuaian nada suara. Abū Ḥanīfah menyarankan penggunaan suara yang kuat dan bersesuaian sebagai syarat utama dalam pengajaran walaupun kelas tersebut dilaksanakan di dalam masjid. Peristiwa dan saranan ini diceritakan oleh Sufyān bin 'Uyaynah (m.198H/813M) setelah beliau mempertikaikan tindakan tersebut (al-Dhahabī, 1999, hlm. 22; Ibn Ḥajar al-Haytamī, 1997, hlm. 188). Beliau mengatakan:

Aku melewati [majlis] Abū Ḥanīfah di dalam masjid, dan ketika itu murid-murid yang berada di sekeliling beliau menguatkan (*irtafa'at*) suara mereka, maka aku berkata: Kenapa kamu tidak melarang mereka dari menguatkan suara di dalam masjid? Beliau menjawab: Biarkan mereka, sesungguhnya mereka tidak akan *faqīh* melainkan sebegitu.

Riwayat ini jelas menunjukkan penggunaan suara yang kuat antara teknik aplikasi kaedah pengajaran. Hal ini selaras dengan kenyataan 'Alī bin Abū Tālib yang menegaskan bahawa kaedah ini memberi manfaat bukan sahaja kepada guru, pelajar yang bertanya malah kepada para pelajar atau pendengar yang lain (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1975, hlm. 32). Manfaat itu tentulah diperoleh setelah kaedah soal-jawab ini digunakan dengan nada suara yang sesuai. Berteraskan teknik inilah dapat difahami bahawa Abū Ḥanīfah dalam menyampaikan pengajaran iaitu kandungan kitab *al-Ālim wa al-Muta'allim* ini, beliau menggunakan nada suara yang kuat dan bersesuaian. Hal ini berdasarkan cara penukilan kitab tersebut iaitu berpandukan catatan (*imlā'*) murid beliau, tanpa menggunakan suara yang bersesuaian tidak mungkin kitab ini berjaya dicatat dan dinukilkan daripada pengajaran Abū Ḥanīfah.

Namun begitu, penggunaan suara yang kuat ini tidak dibenarkan sehingga mengganggu penerangan daripada guru. Abū Ḥanīfah dalam menggunakan teknik ini hanya membenarkan para muridnya menggunakan suara yang kuat semasa sesi soal-jawab dan perbincangan sahaja. Setelah sesi itu selesai, Abū Ḥanīfah kemudiannya menyimpulkan permasalahan yang dibangkitkan atau masalah yang diperdebatkan oleh mereka. Semasa sesi penerangan dan kesimpulan, semua muridnya diam serta menumpukan sepenuh perhatian terhadap penerangan beliau (al-Albānī, 1988, hlm. 148; al-Muwaffaq al-Makkī, 1981, hh. 418-419;). Abū Sulaymān al-Juzjānī menceritakan:

Abū Ḥanīfah dipermudahkan oleh Allah dalam *fiqh*, para pelajar beliau berbincang dalam sesuatu permasalahan sehingga mereka menguatkan (*yartafi'*) suara dan berbincang dalam semua disiplin ilmu sedangkan Abū Ḥanīfah berdiam diri terlebih dahulu. Apabila Abū Ḥanīfah menghuraikan permasalahan itu, mereka pula berdiam diri seolah-olah tiada siapapun dalam majlis tersebut, sedangkan bersama mereka tokoh-tokoh (*ratūt*) daripada kalangan ahli *fiqh* dan pelbagai disiplin ilmu yang lain. Abū Ḥanīfah apabila beliau bercakap semua orang akan diam. Setelah selesai beliau bercakap berkata salah seorang daripada mereka: Maha suci Allah (*subhāna Allāh*), semua diam mendengar percakapan kamu. Sulayman menambah lagi kata-katanya: Abū Ḥanīfah merupakan sarjana yang dikagumi daripada perkara yang dikagumi, sesungguhnya orang yang membenci akan percakapannya merupakan orang yang tidak mampu memahaminya.

Berdasarkan perbincangan tersebut jelas menunjukkan antara teknik aplikasi kaedah soal-jawab menurut Abū Ḥanīfah ialah kesesuaian nada suara yang digunakan dalam pengajaran. Ada kalanya beliau membiarkan para muridnya menguatkan suara dan kadang-kala semua mereka diam dengan memberi perhatian terhadap pengajaran yang disampaikan. Kesesuaian penggunaan suara ini akan menjamin kaedah soal-jawab berlangsung dengan jayanya untuk mencapai objektif pengajaran yang disasarkan.

Soal-Jawab Secara Bertahap

Teknik kedua ialah teknik soal-jawab secara bertahap. Teknik ini dapat dikenal pasti setelah merujuk kepada soalan Abū al-Muṭī', struktur soal-jawab dan jawapan yang dikemukakan oleh Abū Ḥanīfah. Mengenai teknik ini, Abū al-Muṭī' sendiri ada mengatakan (Abū Ḥanīfah, 2001, hlm. 12): "Mengenai kata-kata golongan

[tersebut], *inshā'Allāh* saya akan mulakan dengan golongan yang paling rendah kedudukannya di sisiku, tuan nyatakanlah kepada saya hujah-hujah [untuk berhadapan] dengan mereka.”

Berdasarkan kenyataan ini, jelas menunjukkan bahawa Abū al-Muṭī' menggunakan teknik penyolaan secara bertahap dengan mengemukakan soalan mengenai kedudukan golongan yang paling rendah dan asas terlebih dahulu. Ini menjelaskan Abū al-Muṭī' sendiri menyedari akan keperluan teknik ini dalam mengemukakan soalan.

Pada tempat lain pula, teknik ini jelas digunakan dalam struktur soal-jawab antara mereka berdua seperti soal-jawab berkaitan konsep iman. Pada awalnya Abū al-Muṭī' mengemukakan soalan berkaitan definisi iman, kemudian soal-jawab diteruskan dengan penjelasan kepelbagaian makna iman, persamaan iman manusia dengan iman para Nabi dan Malaikat, dan diakhiri dengan perbandingan pahala iman antara manusia dengan para Nabi serta Malaikat (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 16-20). Begitu juga ketika mereka bersoal-jawab tentang kedudukan orang yang melakukan kemaksiatan. Persoalan ini bermula dengan soalan adakah mereka akan diampunkan atau diazabkan oleh Allah, kemudian diteruskan dengan isu berkaitan pengharapan (*rajā'*) keampunan kepada mereka dan diakhiri dengan pilihan antara mendoakan keampunan (*istighfār*) atau mendoakan kecelakaan (*la'nat*) (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 20-22). Berdasarkan dua contoh ini, dapat disimpulkan bahawa struktur soal-jawab yang dikemukakan itu menunjukkan secara jelas penggunaan teknik bertahap, iaitu soalan yang dikemukakan bermula dengan persoalan yang mudah menuju persoalan yang lebih rumit dan kompleks.

Selain itu, teknik ini juga digunakan oleh Abū Ḥanīfah dalam karya beliau yang lain seperti kitab *al-Fiqh al-Absaṭ* khasnya semasa beliau menjawab permasalahan mengenai azab yang akan dikenakan ke atas orang yang melakukan dosa besar (Abū Ḥanīfah, 2001: 44). Penggunaan teknik ini juga disokong oleh riwayat yang dinukilkan daripada Abū Ḥanīfah yang mana beliau mengatakan (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1975: 101; al-Kīlānī, 1987, hlm. 92):

Belajarlh sehari tiga permasalahan sehingga kamu benar-benar dapat memahaminya (*yattafiq laka shay' min al-'ilm*) dan janganlah kamu belajar lebih daripadanya.

Berdasarkan perbincangan ini jelas menunjukkan teknik pengajaran bertahap adalah salah satu teknik aplikasi kaedah soal-jawab yang dipraktikkan oleh Abū Ḥanīfah dan juga Abu Muti'. Teknik ini dapat dilihat secara jelas dengan merujuk kepada soalan, strukturnya serta jawapan yang dikemukakan oleh Abū Ḥanīfah dan Abū al-Muṭī'. Saranan penggunaan teknik ini juga disokong oleh nukilan daripada Abū Ḥanīfah oleh sarjana lain dalam penulisan mereka.

Ulangan

Teknik ketiga yang digunakan oleh Abū Ḥanīfah ialah teknik ulangan. Dalam jawapan yang beliau kemukakan beliau mengulang semula soalan yang diajukan oleh Abū al-Muṭī'. Penggunaan teknik ini akan menghindari guru daripada tersalah dalam memberi jawapan dan mendekati pelajar dengan soalan yang telah dikemukakan khasnya apabila terdapat selang masa antara soalan dengan jawapan.

Abū Ḥanīfah menggunakan dua cara ketika menggunakan teknik ini. Pertama, beliau mengulang kembali soalan yang dikemukakan dengan memetik ungkapan yang sama sebagaimana soalan pelajar. Cara yang kedua pula, beliau hanya mengulang dan menyatakan kembali makna soalan sebelumnya sahaja. Kedua-dua cara ini tidak digunakan serentak sebaliknya ia digunakan dalam situasi yang berbeza dan merujuk kepada soalan yang berlainan. Antara contoh Abū Ḥanīfah memetik soalan Abū al-Muṭī' tanpa sebarang perubahan ialah semasa permintaan Abū al-Muṭī' supaya beliau kemukakan kias terhadap keyakinan Malaikat dengan keyakinan manusia. Abū Ḥanīfah mengatakan:

Adapun permintaan kamu [supaya saya] menyatakan kias terhadap keyakinan kita adalah sama dengan keyakinan para Nabi, sedangkan mereka lebih takut [kepada Allah] daripada kita, bagaimana keadaan itu boleh berlaku?

Petikan "*bagaimana keadaan itu boleh berlaku?*" adalah petikan yang sama yang dikemukakan oleh Abū al-Muṭī' semasa beliau mengemukakan soalan ini (Abū Ḥanīfah, 2001, hlm.18).

Contoh lain bagi cara pertama ini ialah ketika beliau menjawab soalan berkaitan dengan konsep kufur, beliau juga mengulangi kembali soalan yang dikemukakan. Abū Ḥanīfah mengatakan: “Sesungguhnya kufur [itu] sebagaimana kamu katakan, ia mempunyai nama dan tafsiran [yang tersendiri]”.

Ungkapan “*ia mempunyai nama dan tafsiran [yang tersendiri]*” juga merupakan petikan daripada soalan asal Abū al-Muṭī’ sebelumnya (Abū Ḥanīfah, 2001, hlm. 24).

Antara contoh penggunaan teknik ini dengan cara kedua pula dapat dilihat berdasarkan contoh berikut; iaitu ketika Abū Ḥanīfah menjawab soalan mengenai manfaat iman terhadap mukmin yang diazabkan oleh Allah. Beliau menyebut:

Kamu bertanya tentang beberapa permasalahan yang tidak pernah ditanya [oleh orang lain], *inshā’Allāh* saya [akan memberi] fatwa kepada kamu mengenainya. Adapun soalan kamu jika orang mukmin diazabkan, maka adakah imannya bermanfaat kepadanya dan adakah wujud dalam dirinya iman ketika dia diazabkan.

Kenyataan “*jika orang mukmin diazabkan, maka adakah imannya bermanfaat kepadanya dan adakah wujud dalam dirinya iman ketika dia diazabkan?*” sebenarnya merupakan ungkapan daripada soalan asal Abū al-Muṭī’, namun ia telah diubah strukturnya tanpa sebarang perubahan pada makna. Soalan ini diulang secara ringkas dengan perubahan pada struktur dan kekal dengan makna yang asal (Abū Ḥanīfah, 2001, hlm. 36).

Contoh-contoh tersebut menunjukkan Abū Ḥanīfah menggunakan teknik ulangan soalan terlebih dahulu sebelum beliau menjawabnya. Hal ini menjelaskan peri pentingnya ulangan dalam pengajaran sehingga ia dipraktikkan oleh Abū Ḥanīfah sebagai salah satu teknik dalam kaedah soal-jawab.

Banding-Beza Antara Dua Konsep

Teknik keempat yang digunakan oleh Abū Ḥanīfah ialah menerangkan jawapan dengan membanding-beza antara dua konsep ataupun situasi. Penggunaan teknik ini dapat diperhatikan ketika beliau menerangkan kedudukan dan perbezaan antara agama dengan *sharī’at*. Beliau membandingkan kedua-dua konsep itu dengan mengemukakan satu kata kunci; iaitu kemungkinan berlakunya ‘perubahan’ terhadap kedua-dua konsep itu ataupun tidak. Kata kunci ini menunjukkan wujudnya perbezaan antara kedua-duanya, yang mana agama tidak akan berlaku sebarang perubahan, bermula daripada Nabi Adam sehinggalah ke akhir zaman, berbanding *sharī’at* yang berlaku perubahan dan pertukaran antara seorang Rasul dengan Rasul-Rasul yang lain (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 14-16).

Teknik ini juga digunakan oleh Abu Hanifah ketika beliau menerangkan kelebihan pengakuan *shahādah* berbanding segala kefarduan yang lain. Menurut beliau kedudukan segala kefarduan jika dibandingkan dengan pengakuan tersebut hanyalah seumpama kecilnya sebiji telur yang dinisbahkan kepada langit dan bumi yang terbentang luas ini (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 21-22). Beliau kemudiannya membandingkan antara dosa *shirik* kepada Allah dengan pahala *shahādah* dan menegaskan bahawa kalaulah dosa *shirik* itu teramat besar, tentunya pahala pengakuan *shahādah* itu juga adalah sangat besar. Contoh-contoh ini jelas menunjukkan beliau menggunakan teknik ini ketika menjawab soalan daripada muridnya.

Selain itu, Abū Ḥanīfah juga membandingkan antara dua keadaan atau situasi dalam menjawab soalan yang diajukan. Perbandingan sebegini dapat dilihat ketika beliau menjelaskan tentang orang mukmin hanyalah benar-benar takut dan gerun kepada Allah SWT sahaja. Beliau membawa dua situasi iaitu tindakan orang mukmin ketika diuji oleh Allah dengan tindakan mereka ketika berhadapan dengan seksaan daripada seorang raja untuk menjelaskan betapa orang mukmin hanya takut kepada Allah SWT semata-mata. Beliau menjelaskan bahawa orang mukmin akan berjaya menghadapi ujian daripada Allah dengan tenang dan reda berbanding ketika mereka disiksa oleh raja, ketika itu mereka dalam keadaan gelisah, merungut dan menyatakan kebencian terhadap raja tersebut (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 35-36). Situasi dan tindakan ini menunjukkan betapa orang mukmin itu takut dan gerun kepada Allah berbanding makhluknya yang lain, kerana walau sehebat manapun ujian yang dihadapinya daripada Allah, mereka tidak sekali-kali berani mempertikaikan ujian itu. Hal ini berbeza dengan situasi dan tindakan ketika mereka berhadapan dengan makhluk, mereka akan mempertikaikan tindakan itu memandangkan kekuasaan makhluk jauh lebih rendah berbanding kekuasaan Allah SWT.

Selain itu, teknik ini juga dapat dilihat ketika Abū Ḥanīfah memperkatakan tentang kemungkinan orang mukmin dikenakan azab. Beliau membandingkan kemungkinan ini dengan hakikat bahawa walaupun mereka diazab namun ia tetap berbeza dan lebih ringan dengan azab yang bakal diterima oleh orang kafir, kerana tiada kemungkaran yang lebih besar daripada kekufuran terhadap Allah SWT (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 36-37).

Justeru, berdasarkan beberapa contoh yang telah dihuraikan menunjukkan bahawa Abū Ḥanīfah menggunakan teknik membanding-beza antara dua konsep atau situasi dalam pengajaran beliau. Teknik ini berkesan untuk memudahkan kefahaman dan memberi kejelasan kepada pelajar tentang sesuatu perkara. Selain itu, teknik ini juga akan meningkatkan motivasi para pelajar untuk terus mendalami persoalan yang dibahaskan. Semua ini terbukti dalam soal-jawab kitab tersebut dan turut diakui sendiri oleh murid Abū Ḥanīfah (Abū Ḥanīfah, 2001, hlm. 22).

Memanfaatkan Pengetahuan Sedia Ada

Teknik kelima ialah memanfaatkan pengetahuan sedia ada pelajar. Beliau menggunakan lafaz '*alasta ta'lam*' (tidakkah kamu telah ketahui) (Abū Ḥanīfah, 2001, hlm. 14, 19) atau '*qad 'alimta*' (kamu telah sedia ketahui) (Abū Ḥanīfah, 2001, hlm. 17) pada awal jawapan yang dikemukakan menjelaskan bahawa beliau memanfaatkan pengetahuan sedia ada pelajar dalam menerangkan isi pengajaran yang baru. Pengetahuan yang telah diketahui, sama ada telah diterangkan sebelum itu atau sedia diketahui oleh pelajar ini kemudiannya dikembangkan oleh Abū Ḥanīfah dengan lebih mendalam lagi dan menghubungkannya dengan isi pengajaran yang baru. Teknik ini akan membantu pelajar mengingat kembali apa yang telah diketahui atau pengajaran yang telah disampaikan sebelum ini. Pengetahuan ini juga seolah-olah berupa suatu bekalan awal untuk meneruskan lagi pengajaran ke peringkat yang lebih kompleks. Teknik ini juga diiktiraf sebagai salah satu teknik yang digunakan dalam menjawab soalan dengan berkesan (Noraini Idris et al., 2009, hlm. 155).

Ketika menggunakan teknik ini, Abū Ḥanīfah kadang-kala menyebut kembali apa yang telah beliau sampaikan sebelum ini. Seterusnya, beliau meneruskan pengajaran dengan perbincangan yang lebih mendalam dan terperinci. Antara contoh teknik ini ialah ketika beliau menerangkan tentang iman para Nabi dan manusia lain adalah sama (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 17-18), beliau mengatakan:

Sesungguhnya kamu telah ketahui bahawa mereka lebih taat kepada Allah daripada kita, dan saya [juga] telah terangkan kepada kamu [sebelum ini] bahawa iman [itu] bukannya amalan. Oleh itu iman kita sama seperti iman mereka kerana kita membenarkan keEsaan (*wahdāniyyah*) Tuhan, *rubūbiyyah*-Nya, dan kekuasaan-Nya, serta semua yang datang daripada-Nya sama seperti pegangan yang diakui [oleh] Malaikat dan perkara yang dibenarkan oleh para Nabi dan Rasul. Berdasarkan [kriteria ini] kita [boleh] katakan (*za'amnā*) bahawa iman kita sama dengan iman para Malaikat dan Nabi, kerana kita beriman dengan semua perkara yang [juga] diimani oleh para Malaikat seperti keajaiban tanda-tanda [kebesaran] Allah (*āyāt Allāh*) yang mereka lihat secara langsung (*'āyanathu*) dan kita [juga beriman dengannya walaupun] tidak melihatnya.

Dalam petikan ini Abū Ḥanīfah mengingatkan kembali pengetahuan yang sedia diketahui dan pengetahuan yang pernah diterangkan sebelum ini. Pengetahuan yang sedia diketahui oleh pelajar dalam contoh ini merujuk kepada pengetahuan bahawa '*para Nabi adalah lebih taat kepada Allah berbanding manusia*', manakala pengetahuan yang telah diterangkan sebelum ini pula ialah '*iman [itu] bukannya amalan*'. Bertitik tolak daripada sini Abū Ḥanīfah menerangkan hujah mengapa iman mereka semua adalah sama. Beliau menjelaskan semua manusia termasuk para Nabi dan Malaikat mengakui perkara yang sama iaitu keEsaan, *rubūbiyyah* dan kekuasaan Allah serta apa yang datang daripada-Nya; dengan ini kita boleh dakwa bahawa iman mereka pastinya sama kerana berdasarkan kepercayaan yang serupa.

Abū Ḥanīfah ketika menggunakan teknik ini beliau juga membangkitkan pengetahuan sedia ada pelajar dengan menggunakan struktur ayat pertanyaan. Pertanyaan itu bukan semata-mata bertujuan mendapatkan jawapan, tetapi untuk mendorong pelajar berfikir dan mengingat kembali pengetahuan sedia ada yang mereka telah pelajarnya. Penggunaan teknik ini dapat diperhatikan ketika beliau menerangkan kelebihan para Nabi dari segi pahala iman dan segala ibadat yang mereka lakukan. Beliau menjelaskan walaupun iman manusia dan para Nabi adalah sama, tetapi mereka tetap mempunyai kelebihan kerana mereka adalah manusia terpilih dan

diberi keistimewaan dengan kenabian, mereka adalah ketua kepada manusia serta menerima amanah daripada Allah untuk menyampaikan risalah-Nya (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 19-20). Beliau menegaskan:

Tidakkah kamu ketahui bahawa iman kita sama [dengan] mereka, kerana kita beriman dengan segala perkara [yang juga] diimani oleh para Rasul? [Namun begitu], mereka [tetap mempunyai] kelebihan berbanding kita pada pahala iman dan semua ibadat [yang mereka lakukan], kerana sebagaimana Allah *Ta'ālā* mengutamakan mereka dengan kenabian, pastinya Dia juga melebihkan ucapan, solat, puasa, rumah, tempat tinggal dan segala urusan mereka berbanding manusia yang lain.

Selain itu, ada kalanya Abū Ḥanīfah membangkitkan pengetahuan sedia ada pelajar dengan mengulangi kembali isi pengajaran yang telah disampaikan. Ulangan ini bertujuan supaya pelajar membandingkan isi pengajaran yang telah diajar dengan isi pengajaran yang akan disampaikan oleh beliau, khasnya apabila isi pengajaran yang baru berkait rapat dengan pengajaran sebelumnya (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 37-38). Beliau mengatakan:

Sesungguhnya terjadinya kekufuran orang kafir [itu] sama sedangkan ibadah [yang mereka lakukan] adalah pelbagai dan berbeza-beza sebagaimana [halnya dengan] terjadinya iman penduduk langit dan bumi adalah sama walaupun kefarduan mereka pelbagai dan berbeza; ini kerana kefarduan para Malaikat tidak [sama dengan] kefarduan kita, dan kefarduan mereka serta kefarduan golongan terdahulu juga tidak [sama dengan] kefarduan kita. Pun begitu, iman penduduk langit, iman golongan terdahulu dan iman kita [adalah] sama kerana kita semua beriman dan menyembah Allah *'Azza wa Jalla* yang Esa serta kita semua membenarkan-Nya. Maka begitu juga halnya dengan orang kafir, kekufuran dan keingkaran mereka [adalah] sama walaupun mereka mempunyai sifat yang pelbagai dan berlainan.

Dalam petikan ini Abū Ḥanīfah ingin menjelaskan bahawa kekufuran dan keingkaran orang kafir adalah sama walaupun mereka mempunyai sifat yang berbeza-beza. Sebelum beliau melanjutkan penerangan itu, beliau menegaskan kembali pengajaran yang beliau telah sampaikan sebelum ini; iaitu, *'iman manusia dan Malaikat adalah sama walaupun mereka mengamalkan amalan yang berbeza'*, kenyataan ini telah difahami oleh Abū Muṭī' dalam soal-jawab yang lepas. Maka situasi yang sama juga dikembangkan dalam menjelaskan tentang kekufuran. Berdasarkan pengetahuan yang telah difahami itu, Abū Ḥanīfah menghubungkannya dengan pengetahuan baru yang boleh difahami berdasarkan situasi yang sama disebabkan kedua-dua konsep tersebut adalah bertentangan dan berkaitan.

Berdasarkan beberapa contoh yang dinyatakan jelas menunjukkan Abū Ḥanīfah memberi perhatian terhadap pengetahuan sedia ada pelajar sama ada yang telah diketahui sebelum pengajaran atau yang baru sahaja beliau nyatakan. Berdasarkan pengetahuan itu beliau menghubungkannya dengan isi pengajaran yang baru supaya pelajar dapat mengingat kembali isi yang telah disampaikan dan memudahkan mereka fahami pengetahuan yang baru. Pengetahuan sedia ada ini juga menjadi asas atau tapak untuk meneruskan lagi pengajaran ke peringkat yang lebih terperinci dan mendalam.

Berstruktur dan Tersusun

Abū Ḥanīfah juga sangat mengambil berat terhadap pengurusan isi jawapan yang beliau sampaikan dan pengajaran tersebut dikemukakan secara berstruktur dan tersusun. Beliau terlebih dahulu menstruktur dan mengkategorikan perkara yang akan disampaikan kepada muridnya pada awal pengajaran. Seterusnya beliau menghuraikan isi pengajaran berserta kias ataupun contoh-contoh yang relevan untuk mengukuhkan lagi kefahaman pelajar. Pengajaran berstruktur sebegini adalah lebih berkesan kerana membolehkan proses pengolahan maklumat dan memudahkan susunan dalaman serta mempercepatkan ingatan terhadap pengajaran yang disampaikan kepada para pelajar (Ab. Halim Tamuri et al., 2010, hlm. 57).

Antara contoh penggunaan teknik ini ialah ketika beliau menerangkan tentang manusia yang beriman kepada Allah SWT. Beliau menstrukturkan penerangan itu dengan menyatakan bahawa orang mukmin dalam membenaran terhadap Allah terbahagi kepada tiga tahap, seterusnya barulah beliau menerangkan tahap dan kedudukan iman mereka semua. Tahap pertama ialah mereka yang membenarkan dengan hati dan lidah,

kedua ialah mereka yang hanya membenarkan dengan hati sahaja dan tahap ketiga pula ialah mereka yang membenarkan dengan lidah sahaja (Abū Ḥanīfah, 2001, hlm. 16). Abū Ḥanīfah kemudiannya menjelaskan kedudukan iman ketiga-tiga golongan tersebut. Beliau menegaskan bahawa golongan yang berada pada tahap pertama adalah dikira mukmin sama ada di sisi Allah dan manusia, golongan pada tahap kedua adalah dikira mukmin di sisi Allah sahaja dan di sisi manusia mereka dianggap seorang kafir, golongan pada tahap ketiga pula adalah dikira mukmin di sisi manusia tetapi di sisi Allah mereka sebenarnya kafir (Abū Ḥanīfah, 2001).

Abū Ḥanīfah juga menggunakan teknik yang sama semasa menerangkan tanggapan terhadap kedudukan orang yang melakukan dosa besar. Beliau pada awalnya menstrukturkan jawapan beliau dengan membahagikan manusia kepada tiga tahap. Pertama, golongan yang pasti akan dimasukkan ke dalam syurga, iaitu para Nabi dan mereka yang dipastikan oleh Nabi, kedua, golongan yang pasti akan masuk neraka iaitu golongan kafir. Golongan ketiga pula merujuk kepada mukmin yang tidak terlepas daripada melakukan dosa; mereka mungkin dimasukkan ke dalam syurga ataupun neraka, terserah kepada Allah untuk menentukan perkara tersebut. Dalam konteks golongan yang ketiga ini, Abū Ḥanīfah menyarankan agar kita berharap (*narjū*) supaya mereka dimasukkan ke dalam syurga dan juga kita bimbang (*nakhāf*) akan dosa-dosa yang mereka lakukan (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 27-28).

Selain itu, dalam menggunakan teknik ini Abū Ḥanīfah setelah menstrukturkan jawapan pada awalnya, beliau juga menegaskan kembali pembahagian tersebut pada akhir jawapan. Ini bertujuan mengingatkan semula kepada para murid beliau pembahagian yang dibuat pada awalnya khasnya apabila beliau menerangkan dengan panjang lebar. Cara ini dapat dikenal pasti ketika Abū Ḥanīfah menerangkan tentang perkara-perkara yang merosakkan pahala kebaikan seseorang (Abū Ḥanīfah, 2001, hh. 31-32). Beliau mengatakan:

Adapun [mengenai] kebaikan, tiada sesuatupun yang memusnahkannya melainkan tiga perkara. Pertama, *shirik* kepada Allah, kerana Allah *Ta'ālā* berfirman [yang bermaksud]: “Dan sesiapa yang ingkar dan kufur sesudah dia beriman, maka sesungguhnya gugurlah amalnya [yang baik]” (Surah al-Mā'idah (5): 5). Kedua, seorang manusia yang melakukan kebaikan, [seperti] membebaskan hamba, menyambungkan silaturrahim dan bersedekah dengan hartanya untuk [mendapatkan] kerediaan Allah dengan perbuatan itu, kemudian apabila dia marah atau dia berkata dalam keadaan tidak marah [bertujuan] untuk mengungkit-ungkit dan menyakiti (*imtinān*) orang yang dikemukakan kebaikan kepadanya: “Tidakkah saya yang membebaskan engkau?”, atau dia berkata kepada orang yang dia sambungkan silaturrahim: “Tidakkah saya yang menyambung silaturrahim dengan engkau?”, dan sebagainya dengan menepuk kepalanya (*yaḍrib bihi 'ala ra'sihi*) [untuk menunjukkan dialah yang melakukan kebaikan itu]. Mengenai golongan inilah Allah *Ta'ālā* berfirman [yang bermaksud]: “Jangan kamu rosakkan [pahala amalan] sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan [kelakuan yang] menyakiti” (Surah al-Baqarah (2): 264). Perkara yang ketiga, setiap amalan yang dilakukan [bertujuan untuk] menunjuk-nunjuk kepada manusia (*riyā'*), maka amalan soleh yang dilakukan itu yang disertai dengan *riyā'* tidak [akan] diterima oleh Allah. Oleh yang demikian, maka selain daripada [ketiga-tiga perkara ini] daripada [semua jenis] keburukan, sesungguhnya ia tidak akan memusnahkan [pahala] kebaikan seseorang.

Berdasarkan petikan tersebut, Abū Ḥanīfah mengulang dan menegaskan semula pembahagian perkara-perkara yang membatalkan pahala kebaikan pada akhir jawapan beliau. Ketiga-tiga perkara tersebut ialah; *shirik*, mengungkit-ungkit dan *riyā'* terhadap kebaikan yang telah dilakukan. Selain daripada ulangan semula, unsur penegasan juga digunakan pada akhir penerangan beliau yang mana beliau mengatakan “*selain daripada [ketiga-tiga perkara ini] daripada [semua jenis] keburukan, sesungguhnya ia tidak akan memusnahkan [pahala] kebaikan seseorang*”. Justeru, penggunaan teknik ini juga dimantapkan lagi dengan ulangan dan penegasan semula pembahagiannya pada akhir penerangan jelas dilihat dalam contoh tersebut. Penegasan ini bertujuan memudahkan para pelajar faham dan seterusnya mengingati perkara yang disampaikan kepada mereka.

Penggunaan teknik sebegini juga dikenal pasti semasa Abū Ḥanīfah menghuraikan dan membandingkan antara agama (*dīn*) dengan *sharī'at* (Abū Ḥanīfah, 2001, hlm. 14). Abū Ḥanīfah menjelaskan:

...*sharī'at* para Nabi adalah pelbagai... Maka agama (*al-dīn*) itu tidak [akan] berubah dan tidak [akan berlaku] pertukaran [padanya], berbanding *sharī'at* [yang akan] berubah dan bertukar, kerana ada kalanya sesuatu [perkara itu] halal kepada kaum [tertentu, tetapi] Allah 'Azza wa Jalla mengharamkannya kepada [kaum] lain, kadang-kala [sesuatu] suruhan yang diperintahkan oleh Allah kepada kaum [tertentu melakukannya, tetapi] Allah melarangnya kepada [kaum] lain, oleh itu, *sharī'at* [adalah] pelbagai dan berlainan [antara sesuatu kaum dengan kaum yang lain].

Berdasarkan nukilan ini, Abū Ḥanīfah menerangkan pada awalnya bahawa *sharī'at* para Nabi adalah pelbagai, kemudian beliau menyatakan perbezaan antara konsep agama dan *sharī'at*. Beliau kemudiannya menjelaskan ciri-ciri *sharī'at* yang mana ia dapat difahami melalui suruhan dan larangan terhadap sesuatu kaum tertentu. Suruhan dan larangan tersebut adalah berbeza antara satu kaum dengan kaum yang lain. Pada akhir jawapan itu, beliau menegaskan kembali bahawa *sharī'at* adalah pelbagai, banyak dan berbeza-beza. Justeru, pernyataan ini merupakan ulangan dan penegasan kepada kenyataan yang telah beliau sampai sebelum ini.

Oleh yang demikian, contoh-contoh yang dikemukakan ini menjelaskan jawapan secara tersusun dan berstruktur merupakan salah satu teknik yang digunakan oleh Abū Ḥanīfah dalam kaedah soal-jawab beliau. Beliau juga menggunakan teknik ini dengan penegasan semula pada akhir jawapan yang dikemukakan bertujuan untuk memudahkan murid beliau faham dengan jelas isi pengajaran yang disampaikan.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang dilakukan, dapat disimpulkan bahawa kaedah soal-jawab merupakan kaedah yang banyak diaplikasi oleh Abū Ḥanīfah dalam pengajarannya. Semasa mengaplikasi kaedah tersebut pula, beliau menggunakan enam teknik utama untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan kaedah soal-jawab tersebut. Teknik tersebut merangkumi kesesuaian penggunaan nada suara, soal-jawab secara bertahap, ulangan, banding-beza antara dua konsep, memanfaatkan pengetahuan sedia ada pelajar, dan penyampaian isi secara berstruktur dan tersusun. Aktiviti soal-jawab dengan pelbagai teknik ini sebenarnya akan mendorong para pelajar melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran di samping menjamin kefahaman yang menyeluruh. Minat mereka terhadap pelajaran juga akan bertambah dan tentunya mereka dapat memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap aktiviti pengajaran guru. Kesemua kesan ini dapat diperhatikan melalui penggunaan kaedah dan teknik soal-jawab yang telah dicontohkan oleh Abū Ḥanīfah dalam pengajaran beliau khususnya dalam kitab *al-Ālim wa al-Muta'allim* ini.

Oleh yang demikian, hasil makalah ini diharapkan dapat menjelaskan salah satu sumbangan sarjana Islam dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Sumbangan dan karya agung mereka sepatutnya dijadikan contoh dan teladan dalam menangani isu-isu pendidikan Islam dewasa ini. Nama-nama tokoh Islam seperti Muḥammad bin Saḥnūn (m.256H/869M), al-Qābisī (m.403H/1012M), al-Māwardī (m.450H/1058M), Abū Ḥāmid al-Ghazālī (m.505H/1111M), Burhān al-Dīn al-Zarnūjī (m.620H/1223M), Yaḥya bin Sharaf al-Nawāwī (m.676H/1277M) dan sebagainya wajar diketengahkan dalam kajian-kajian pendidikan Islam dan pemikiran pendidikan mereka perlu dijadikan asas dalam bidang tersebut.

RUJUKAN

'Abd al-Raḥmān bin Khaldūn. (2002). *Mukadimah Ibn Khaldun*. Dewan Bahasa dan Pustaka (terj.) c.4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, & Shahrin Awaluddin. (2010). Kaedah pengajaran Pendidikan Islam: Konvensional dan inovasi. Dlm. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*, Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (pynt.), Bangi: Penerbit UKM.

Abu al-Wafā al-Qurashī, 'Abd al-Qādir bin Abī al-Wafā Muḥammad bin Nuṣr Allāh bin Sālim. (t.t.). *al-Jawāhir al-Muḍīyyah fī Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah*. Karachi: Miz Kutub Khanah Aram Bagh.

- Abū Ḥanīfah, al-Nu'mān bin Thābit. (2001). *al-Ālim wa al-Muta'allim*. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī (pnynt.). Mesir: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Aḥmad Shalabī. (t.t.). *Tārīkh al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Maktabah Anglo.
- al-Albānī, Wahbī Sulaymān Ghāwījī. (1978). *Abū Ḥanīfah al-Nu'mān: Imām al-A'immah al-Fuqahā'*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- al-Baghdādī al-Bābānī, Ismā'īl Bāshā. (1955). *Hadiyyah al-Ārifin: Asmā' al-Mu'allafin wa Āthār al-Muṣannafin*, j.2, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- al-Dhababī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān. (1996). *Siyar al-A'lām al-Nubalā'*, Shu'ayb al-Arnout & Ḥusayn Asad (pnynt.), c.11, j.6. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Isfarāyīnī, Abū al-Muẓfir. (1940). *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah 'an Firqah al-Hālikīn*, Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī (pnynt.) T.T.P: Maṭba'ah al-Anwār.
- al-Kīlānī, Mājid 'Irsān. (1987). *Taṭawwur Mafhūm al-Nazariyyah al-Tarbawiyah al-Islāmiyyah*, c.2. Madīnah: Maktabah Dār al-Turāth.
- al-Kurdaī, Hāfiz al-Dīn bin Muḥammad. (1981). *Manāqib Abī Hanīfah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- al-Muwaffaq al-Makkī, al-Muwaffaq bin Aḥmad. (1981). *Manāqib Abī Hanīfah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- al-Namīrī, Abū 'Umar Yūsuf bin 'Abd al-Barr. (t.t.). *al-Intiqā' fī Faḍl al-Thalāthah al-A'immah al-Fuqahā'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ṣaymarī, Abū 'Abdillah Ḥusayn bin 'Alī. (1985). *Akhbār Abī Hanīfah wa Aṣḥābuh*, c.2, T.T.P: 'Ālam al-Kutub.
- al-Shaybānī, 'Umar Muḥammad al-Tūmī. (1975). *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*. Tarablus: al-Sharkah al-'Āmmah li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Tamīmī al-Dārī, Taqī al-Dīn bin 'Abd al-Qādir. (1983). *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah fī Tarājum al-Ḥanafiyah*, 'Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Ḥilw (pnynt.). Riyadh: Dār al-Rifa'ī.
- Aymān Muḥammad 'Abd al-'Azīz. (2008). *al-Turāth al-Tarbawī fī al-Madhab al-Ḥanafī*. Iskandariyyah: Maktabah al-'Ilm wa al-Īmān.
- Brockelmann, Carl. (1993). *Tārīkh al-Adab al-'Arabī*. Maḥmūd Fahmī Ḥijāzī (terj.), Kaherah: Hai'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb.
- Ḥājī Khalīfah, Muṣṭafā bin 'Abd Allāh. (1982). *Kashf al-Zunūn*. Kaherah: Dār al-Fikr.
- Iblāgh, 'Ināyat Allāh. (1971). *al-Imām al-A'zam Abū Ḥanīfah al-Mutakallim*, T.T.P.: al-Majlis al-A'lā li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah.
- Ibn al-Nadīm, Abū al-Faraj Muḥammad bin Abū Ya'qūb Ishāq. (1996). *al-Fihrist* (Yūsuf 'Alī Ṭawīl pnynt.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar al-Haytamī, Shihāb al-Dīn Abū al-'Abbās Aḥmad bin Muḥammad. (1997). *al-Khayrāt al-Ḥisān fī Manāqib al-Imām al-A'zam Abū Ḥanīfah al-Nu'mān*, Muḥammad Nūr al-Dīn Marbū Banjar al-Makkī (pnynt.), Kaherah: Majlis al-Banjārī li al-Tafaqquh fi al-Dīn.
- Khairul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Johor: Penerbit UTM.

- Mohd Anuar Mamat. (2013). Ketokohan Imam Abu Hanifah al-Nu'man (m.150H/767M) dalam Bidang Pendidikan. *Jurnal Tamaddun*, 8(2), 1-13.
- Mohd Anuar Mamat. (2014, Jun). Kaedah soal-jawab dalam pengajaran Imam Abū Ḥanīfah: Suatu analisis perbandingan. *Jurnal 'Ulum Islamiyyah*, 12, 55-72.
- Muḥammad Abū Zahrah. (t.t.). *Abū Ḥanīfah: Ḥayātuhū, wa 'Aṣruhū wa Ārā'uhū wa Fiqhuhū*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī.
- Noraini Idris, Shuki Osman, Chew Meng Meng, & Lim Hooi Lian. (2009). Teknik Penyoalan dalam Bilik Darjah. Dlm. Noraini Idris & Shuki Osman (Pnyt.), *Pengajaran dan pembelajaran: Teori dan praktis*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Sezgin, Fuat. (1983). *Tārīkh al-Turāth al-'Arabī*, Maḥmūd Fahmī Ḥijāzī (terj.) T.T.P: Idārah al-Thāqafah wa al-Nashr bi al-Jāmi'ah.
- Shiblī Nu'mānī. (2005). *Imām Abū Ḥanīfah: Life and work* (M. Hadi Hussain terj.). c.6, New Delhi: Kitab Bhavan.